

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

TARIKH : 16.03.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 9

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan kewangan yang telah diluluskan Kementerian untuk menaikkan taraf jalan balak di Sarawak amnya dan untuk kawasan P.220 Baram khususnya. Nyatakan lokasi, status pelaksanaan dan jumlah peruntukan untuk setiap lokasi di kawasan Baram sehingga setakat ini.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan peruntukan keseluruhan berjumlah RM385 juta bagi melaksanakan Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di Negeri Sarawak yang merangkumi Fasa 1 RM64 juta, Fasa 2 RM70 juta, Fasa 3 RM52 juta dan Fasa 4 RM199 juta. Fasa 1 projek ini telah disiapkan secara berperingkat pada tahun 2014 dan 2015, Fasa 2 sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2017, Fasa 3 dalam proses pelantikan kontraktor manakala Fasa 4 sedang dalam peringkat perancangan. Pelaksanaan projek ini melibatkan pelbagai Bahagian seperti Miri, Sibul, Sri Aman, Betong, Limbang, Sarikei, Kapit, dan Bintulu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah pelaksanaan Fasa 1 hingga Fasa 4 projek ini, sejumlah RM181 juta telah diperuntukkan di kawasan Baram yang melibatkan kerja – kerja menaiktaraf jalan sepanjang 402.24km.